

SOALAN NO: 123

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

**DARIPADA: YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID**

SOALAN:

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan strategik jangka panjang yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing dalam industri spesifik seperti di dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan.

PR-1331-T68929

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia telah dan akan melaksanakan pelan strategik jangka panjang, bukan sahaja untuk mengurangkan pekerja asing dalam industri spesifik seperti di sektor pembinaan dan perkilangan, tetapi

juga sektor-sektor lain yang turut dibenarkan menggajikan pekerja asing.

2. Di antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing adalah seperti berikut:

- (i) penggajian pekerja asing diluluskan kepada 6 sektor sahaja iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan, perkhidmatan (sub sektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja resort pulau peranginan, hotel, kedi, spa dan urut kaki) dan perkhidmat domestik. Mereka hanya dibenarkan berkhidmat sebagai pekerja asas.
- (ii) syarat-syarat penggajian pekerja asing adalah amat ketat di mana kriteria penggajian pekerja asing diselia oleh agensi kawal selia yang menentukan keperluan sebenar pekerja dalam sesebuah sub sektor yang berkaitan:
- (iii) kekosongan jawatan ditawarkan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu melalui Portal *JobsMalaysia* sebelum permohonan pekerja asing dibenarkan; Bagi tahun 2015 (sehingga 31 Mac 2015) pihak JTK telah berjaya menempatkan seramai 11,400 orang pencari kerja bagi kategori pekerja am dalam semua sektor.
- (iv) pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (*frontliner*).

Tuan Yang Di Pertua,

3. Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan sektor-sektor yang insentif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing.

4. Kerajaan juga akan senantiasa mengkaji dan menambah baik dasar penggajian pekerja asing dari segi penetapan *exit strategy* seperti pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan untuk menggantikan pekerja asing, menetapkan ratio pekerja tempatan dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan serta mekanisme kenaikan levi secara berperingkat dan ditanggung majikan.

SOALAN (124)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

SOALAN :-

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh
manakah keberkesanan kempen kitar semula yang dilaksanakan
Kementerian dalam mendidik masyarakat agar lebih peka dengan aspek
alam sekitar yang lebih proaktif.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai program dan aktiviti kitar semula yang dilaksanakan di Malaysia telah menghasilkan kesan dalam peningkatan kadar kitar semula daripada 5% pada tahun 2005 dan meningkat kepada 10.5% pada tahun 2012 (dari kajian yang dibuat oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara [JPSPN]) dan mensasarkan kadar kitar semula akan ditingkatkan kepada 22% menjelang tahun 2020.

Selain daripada itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mendapati terdapat peningkatan dari segi pelaksanaan aktiviti kitar semula dari tahun 2010 sehingga Mac 2015 seperti berikut :

TAHUN	KG	RM
2010	152,093.70	47,384.37
2011	288,433.58	106,720.34
2012	781,173.02	209,457.94
2013	717,571.19	218,953.36
2014	1,596,767.87	478,204.66
2015 (Jan - Mac)	590,919.26	342,427.03
JUMLAH	4,126,958.62	1,403,147.70

Bilangan pencapaian program kitar semula tahun 2010 sehingga Mac 2015:-

Bil. Program / Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015 (Jan - Mac)	Jumlah
Bil. Sekolah	31	110	167	166	244	51	769
Bil. Tadika	17	21	111	284	159	77	669
Bil. Pejabat Kerajaan	1	3	61	63	83	66	277
Bil. Pasaraya	1	1	28	34	33	27	124
Bil. Komuniti	1	1	54	71	114	53	294
Jumlah	51	136	421	618	633	274	2133

Sehubungan dengan itu, Kementerian akan terus menggiatkan kempen kitar semula melalui:-

- (i) meneruskan program *Recycle, Reduce and Reuse* (3R) negeri yang melibatkan tadika, sekolah, pejabat kerajaan, pasar raya dan komuniti (3R@edu, 3R@kids, 3R@gov, 3R@d_thru, 3R@com);
- (ii) menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM):-
 - mewujudkan dan mengguna pakai Modul Kelab Kitar Semula di sekolah rendah dan menengah di Semenanjung Malaysia untuk aktiviti ko-kurikulum sekolah yang telah diluluskan oleh KPM dengan jumlah keseluruhan penubuhan Kelab Kitar Semula sehingga Mac 2015 ialah 2065;
 - mewujudkan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar Semula Merentasi Kurikulum Prasekolah dan tadika; dan

- memuatkan pengetahuan mengenai pengurusan sisa pepejal dan kitar semula dalam sebahagian sukatan di peringkat sekolah rendah dan menengah.
- (iii) memperbanyakkan kempen kesedaran awam mengenai kitar semula dan mengadakan program yang melibatkan penyertaan masyarakat dan komuniti seperti demonstrasi *composting*;
- (iv) menandatangani Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak perhotelan melalui Kempen “*Value Food, No Waste*” untuk program pengurangan sisa makanan. Antara hotel yang terlibat adalah Hotel Ritz Garden (Ipoh), Holiday Villa City Centre (Alor Setar), TH Hotel & Covention Centre dan Hotel Holiday Villa (Kedah), Hotel Putra Palace, Hotel Seri Malaysia dan Hotel Putra Brasmana (Perlis);
- (v) menyediakan Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera 2014 - 2020 telah dilancarkan pada 24 Februari 2015 oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri

Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri. Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera ini disediakan untuk membentuk sebuah masyarakat yang membudayakan kebersihan dan menghargai alam sekitar sebagai anugerah dan amanah daripada pencipta;

(vi) melaksanakan program berimpak tinggi seperti Bazar 3R dan Program Didik *Go-Green* (membangunkan sistem ganjaran dalam membudayakan amalan kitar semula); dan

(vii) melaksanakan Kempen Pengasingan Sisa di Rumah berikutan Penguatkuasaan Pengasingan Sisa di Rumah pada September 2015.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015